

10/03/2000

K-ekonomi: Pekerja asing dikurangkan

KUALA LUMPUR, Khamis - Sasaran untuk mengurangkan 100,000 pekerja asing pada setiap tahun boleh dicapai apabila negara ini berjaya memasuki ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi).

Naib Presiden Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Datuk Paul Low berkata, negara mampu mengurangkan pekerja asing kerana sistem pendidikan sekarang dapat melahirkan lebih ramai masyarakat yang berkelayakan tinggi.

"Bagaimanapun, ini tidak bermakna kita tidak memerlukan khidmat pekerja asing. Kita perlu ingat bahawa masih banyak pekerjaan manual yang bukan menjadi pilihan masyarakat tempatan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan meletakkan sasaran untuk mengurangkan kira-kira 100,000 pekerja asing di negara ini setiap tahun, terutama yang tidak mahir dan berpengetahuan rendah.

Paul berkata, pekerjaan manual yang dimaksudkan termasuk pekerjaan yang berasaskan perkhidmatan seperti kerja mencuci.

Ditanya mengapa pekerjaan manual itu tidak menjadi pilihan masyarakat tempatan, beliau berkata, peluang pekerjaan yang lebih baik membuat mereka tidak memilih pekerjaan sedemikian.

Sementara itu, Kaunselor Buruh Kedutaan Bangladesh, Mosharraf Hussain berkata, kerajaan Bangladesh sudah menyediakan latihan vokasional dan teknikal kepada rakyatnya yang ingin bekerja di luar negara.

Mosharraf berkata, latihan itu adalah salah satu syarat yang ditetapkan kerajaan Bangladesh selama ini, khusus bagi mereka yang ingin bekerja di luar negara.

"Kami sedar yang Malaysia memerlukan pekerja mahir terutama dalam sektor buruh dan kerana itulah, latihan seumpama ini disediakan," katanya.

Setiausaha Ketiga Kedutaan Filipina, Giovanni Palec, berkata negaranya juga menyediakan latihan serupa bagi mereka yang ingin bekerja di luar negara termasuk Malaysia.

Malah, Giovanni berkata, latihan itu juga disediakan di kedutaan Filipina di sini bagi memudahkan rakyat Filipina yang bekerja di Malaysia mendapat latihan selanjutnya.

(END)